

BENTUK-BENTUK EMOSI REMAJA HAMIL LUAR NIKAH

Siti Aishah Yahya^{1,3}

Fariza Md.Sham^{2,3}

¹ Kolej Universiti Islam Melaka

² Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia

³ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

sitiaishah@kuim.edu.my

ABSTRAK

Remaja hamil luar nikah adalah remaja yang telah mengandung sebelum berkahwin di mana kewujudan hubungan seks di antara dua pasangan yang tidak mempunyai pertalian nikah yang sah. Remaja hamil luar nikah tergolong umur di antara 13 hingga 18 tahun. Banyak isu-isu yang menyebabkan kehamilan luar nikah ini antaranya faktor persekitaran, keluarga, kemurungan, kesunyian dan sokongan sosial. Emosi dalam pendekatan dakwah terbahagi kepada dua iaitu emosi dari sudut Al-quran dan emosi dari sudut hadis. Terdapat pelbagai bentuk-bentuk emosi yang ditunjukkan oleh remaja yang sedang mengalami kehamilan ini seperti romantik, mudah keliru dan emosi marah. Bentuk emosi menurut Barat terbahagi empat faktor iaitu emosi dari segi kebolehan membuat persepsi berkaitan emosi, pemikiran berdasarkan emosi, memahami emosi dan mengurus emosi. Disamping itu juga, bentuk-bentuk emosi menurut pandangan Islam pula adalah emosi kesempitan jiwa, ketakutan, kegelisahan, berkeluh kesah, ketakutan yang berlebihan, kebimbangan, kebingungan dan mungkin juga akan hilang akal akibat daripada ketakutan yang luar biasa.

Kata kunci: bentuk-bentuk emosi, remaja hamil, hamil luar nikah, dakwah, psikologi

FORMS OF EMOTION ACCORDING TO OUT-OF-WEDLOCK ADOLESCENTS

ABSTRACT

Out-of-wedlock adolescents are teenagers who are pregnant before marriage where the existence of sex between two spouses is not legally binding. Out-of-wedlock teenager's age is range between 13 to 18 years old. There are many issues that lead to pregnancy outside of marriage, factors such as environment, family, depression, loneliness and social support. Emotion in the approach of preaching are divided into two emotion, one from the Al-Quran and second from te hadiths. There are many forms of emotion that adolescents experience during pregnancy such as romantic, confuse and anger. According to the Western the form of emotion are divided into four factors which are emotion in terms of

ability to make perception related to emotion, thinking based on emotion, understanding of emotion and emotion management. On the other hand, from the Islamic view there are emotion such as narrowness of soul, fear, anxiety, sighing, excessive fear, worriness, confusion and maybe lost their mind due to the extreme of fear.

Keywords: forms of emotion, Out-of-wedlock adolescents, teenagers who are pregnant before marriage, dakwah, psychology

PENGENALAN

Remaja merupakan tunjang kepada sebuah negara kerana mereka merupakan generasi yang akan menjadi pemimpin negara suatu masa kelak. Namun jika dilihat pada masa sekarang, generasi remaja lebih mudah terpengaruh dengan anasir-anasir yang akan merosakkan remaja itu sendiri seperti ketagihan seks, dadah, berjudi dalam talian internet dan sebagainya. Ini semuanya akan berterusan terjadi kerana masalah pengawalan emosi dalam kalangan remaja tidak diambil perhatian oleh semua pihak. Pengawalan emosi dalam kalangan remaja perlu diberi perhatian termasuk ibu bapa, guru,rakan-rakan dan semua lapisan masyarakat supaya masalah yang lebih besar dapat diatasi terjadi kepada remaja. Dalam peringkat umur remaja juga, mereka mengalami emosi *storm and stress* terutamanya apabila remaja menghadapi masalah (Fariza Md Sham, 2009). Ini selari dengan firman Allah SWT dalam Al-Quran :

“Sesungguhnya manusia diciptakan bersifat keluh kesah lagi kikir. Apabila ia ditimpa kesusahan ia berkeluh kesah; dan apabila ia mendapat kebaikan, ia amat kikir; kecuali orang-orang yang mengerjakan solat” (Surah Al-Mâ’rij: 19-22)

Remaja perlu dibimbing dengan menggunakan pelbagai pendekatan yang telah digariskan oleh Islam. Disebabkan pelbagai desakan emosi dan perasaan yang sentiasa bermain dalam fikiran remaja hamil tanpa nikah ini, maka perlunya masyarakat mengambil berat untuk mencari kaedah atau pendekatan bagi merawat pelbagai permasalahan yang dialami oleh mereka dengan mengembalikan mereka kepada fitrah beragama dengan menggunakan pendekatan psikologi dakwah yang berteraskan Al-quran dan As-Sunnah bagi menyelesaikan permasalahan emosi dalam kalangan remaja hamil luar nikah ini (Siti Aishah Yahya& Fariza Md.Sham, 2017).

DEFINISI REMAJA HAMIL TANPA NIKAH

Dalam membincangkan tentang definisi remaja hamil luar nikah, pengkaji terlebih dahulu akan mengupas tentang definisi remaja. Siapakah itu remaja? Berapakah kategori umur bagi seseorang yang bergelar remaja?.

Menurut Fariza Md.Sham (2014), ulamak ‘Fuqaha’ melihat dari sudut kanak-kanak yang telah mencapai umur baligh adalah sebagai remaja. Kebanyak ulamak ‘Fuqaha’ berpendapat umur baligh tersebut adalah antara 15 hingga 18 tahun. Namun begitu, terdapat juga kanak-kanak yang mencapai umur baligh awal, berdasarkan tanda-tanda baligh seperti keluar air mani apabila remaja lelaki itu bermimpi dan keluar darah haid bagi remaja perempuan.

Disamping itu juga, menurut Santrock (2008), remaja merupakan golongan yang sedang aktif dengan perkembangan semulajadi seksual, fizikal dan mental. Mereka berhadapan dengan perubahan biologi yang dramatik, pengalaman dan tugas baru ahli psikologi percaya bahawa mereka memerlukan penyesuaian diri dengan segala perubahan yang dialami. Perasaan dan tindakan remaja berkonflik antara rasa angkuh dengan rasa rendah diri, antara rasa keseronokan dan kemurungan, dan antara baik dengan mudah terpengaruh. Tugas remaja pada peringkat ini adalah untuk mempelajari bagaimana mempercayai orang lain, mencari identiti yang stabil, mengetengahkan pelbagai persoalan hidup, persoalan tentang intimasi, hubungan moraliti dan rakan sebaya. Tugas ini adalah penting bagi remaja kerana mereka ingin mengetahui peranan yang baru dalam usaha mencipta masa depan mereka (Santrock, 2008).

Setelah memahami konsep siapakah remaja itu, maka kajian ini akan mengupas tentang definisi mengenai konsep kehamilan luar nikah. Antaranya adalah menurut Khadijah Alvi et.all (2012), definisi hamil luar nikah ialah mengandung sebelum berkahwin di mana kewujudan hubungan seks di antara dua pasangan yang tidak mempunyai pertalian nikah yang sah. Remaja hamil luar nikah tergolong umur di antara 13 hingga 18 tahun.

Kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja pula merujuk kepada remaja yang di bawah umur yang hamil tanpa ikatan yang sah (WHO, 2006). Kajian menunjukkan remaja yang terlibat dengan aktiviti seksual semasa umur masih muda didapati mempunyai lebih banyak pasangan, lebih kerap melakukan seks (Mcbride, Paikoff, & Holmbeck, 2003), melakukan seks tanpa perlindungan (Cavanaugh, 2004) yang mana akhirnya ramai dalam kalangan mereka yang sangat berisiko kepada jangkitan seksual dan kehamilan (Mcbride et. al, (2003) dalam Norul Huda Sarnon@Kusenin (2012).

HUKUM KEHAMILAN LUAR NIKAH

Seorang wanita yang hamil tanpa pernikahan yang sah, maka wanita tersebut telah melakukan perbuatan zina. Hukuman zina dalam Islam adalah haram dan sudah tentunya berdosa besar, maka wajib seseorang mendapatkan hukuman yang sesuai dengan syariat Islam.

Dalam Islam, hukuman bagi seseorang yang melakukan zina terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

i. Hukuman Dera

Seorang wanita yang berzina, sama ada beliau hamil ataupun tidak, apabila ia mengakuinya maka harus diberikan hukuman dera atau cambuk.

Hukuman dera ini diberikan kepada mereka yang *ghoiru mohsin* atau yang belum berkahwin. Ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam Al-Quran:

“Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, maka deralah tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali dera, dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk (menjalankannya) agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah, dan hari akhirat, dan hendaklah (perlaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan orang yang beriman” (Surah An-Nur:2)

ii. Hukuman Rejam

Hukuman rejam adalah bagi pasangan yang melakukan zina dengan lelaki yang lain atau perempuan yang lain yang belum dikahwininya. Dalam masa yang sama suami dan isteri itu masih mempunyai ikatan yang sah dalam pernikahan mereka, maka hukuman zina ini disebut sebagai *zina muhsan*. *Zina muhsan* yang mereka lakukan adalah dengan hukuman rejam atau dilempari batu hingga mati termasuk wanita tang sedang hamil. Ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam hadis berikut:

“Ada seorang lelaki datang kepada Rasulullah SAW ketika baginda berada didalam masjid. Lelaki itu memanggil-manggil Nabi seraya mengatakan, “Hai Rasulullah, aku telah melakukan zina, tetapi aku menyesal”. Ucapannya itu diulang sebanyak empat kali, lalu baginda pun memanggilnya, seraya berkata “Apakah engkau ini gila?. Tidak, jawab lelaki itu, Nabi bertanya lagi, Adakah engkau ini orang yang muhsan?” “Ya, Jawabnya”, Kemudian Nabi bersabda lagi, Bawalah lelaki ini dan lakukan rejam oleh kamu sekalian” (Hadis Riwayat Bukhari dari Abu Hurairah)

Selain itu, disebutkan dalam hadis yang lain:

“Ambillah dariku, ambillah dariku! Sungguh Allah telah memberi jalan kepada mereka, lelaki yang belum berkahwin berzina dengan perempuan yang belum berkahwin dicambuk 100 kali dan diasingkan selama 1 tahun. Dan orang yang telah menikah melakukan zina didera 100 kali dan direjam” (Hadis Riwayat Muslim)

ISU-ISU REMAJA HAMIL LUAR NIKAH DI MALAYSIA

Pelbagai isu kehamilan remaja luar nikah yang timbul menyebabkan penulis terdorong untuk mengkaji tentang bentuk-bentuk emosi yang merupakan kuperasan utama dalam kajian ini. Semakin berkembang teknologi semakin banyak masalah sosial yang berlaku di kalangan remaja. Remaja perempuan di anggap sebagai aset yang boleh dipakai untuk kepuasan lelaki. Tetapi ada juga yang sanggup

mengambil peluang ini sebagai melepaskan tekanan dalam hidupnya kerana kehidupan keluarga yang pincang. Persoalannya sekarang, bagaimana keadaan mereka pada masa akan datang. Apakah bentuk-bentuk emosi yang akan mereka lalui? Adakah terdapat pendekatan Islam dalam menangani masalah kejiwaan remaja hamil ini? Apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh remaja yang hamil tanpa nikah untuk meneruskan kehidupan dengan emosi yang stabil demi masa hadapan mereka dengan lebih sempurna? Semua persoalan ini akan bermain dalam fikiran remaja yang terlibat dengan kehamilan luar nikah ini.

Statistik di Malaysia telah dibuktikan oleh Jabatan Pendaftaran Negara bagi tahun 1999 hingga 2003 mendapati bilangan anak yang dilahirkan oleh ibu tunggal tanpa nikah adalah 70,430 orang dan Selangor mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 12,836 orang. Ini diikuti Perak (9,788), Kuala Lumpur (9,439), Johor (8,920), Sabah (8,435), Negeri Sembilan (4,108), Pahang (3,677), Kedah (3,496), Pulau Pinang (3,412), Melaka (2,707), Kelantan (1,730), Perlis (691), Sarawak (617) dan Terengganu (574) (Mohd. Tamyes 2007).

Menurut kajian Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, punca hubungan yang menyebabkan masalah ibu tanpa nikah adalah 92.5 peratus responden melakukan seks tanpa nikah dengan pasangan mereka secara sukarela. Sebanyak 25 peratus akibat perbuatan rogol atau perkosaan dan lima peratus tidak mendaftarkan perkahwinan (Harnida Paturungi, 2008).

Disamping itu juga, Pusat Kebajikan Wanita dan Remaja (Kewaja) juga menunjukkan rekod yang diperolehi melaporkan kira-kira 120 wanita dari seluruh negara melahirkan anak luar nikah antara Januari hingga Jun 2010.

Statistik pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM) yang mengendalikan empat pusat bimbingan dan perlindungan Raudhatus Sakinah mendapati, 190 bayi luar nikah dilahirkan sejak mula pusat bimbingan tersebut ditubuhkan pada 1998 (www.jim.org.my, 10 Ogos, 2009).

Tidak terlepas juga di Jepun mempunyai kadar kelahiran luar nikah paling rendah iaitu dua peratus bagi 2007, meningkat satu peratus daripada tahun 1980. Peningkatan pesat dilihat bagi negara-negara seperti Itali iaitu daripada empat peratus tahun 1980 kepada 21 peratus tahun 2006, Ireland daripada lima peratus pada tahun 1980 kepada 33 peratus pada tahun 2006, Kanada dari 13 peratus pada tahun 1980 kepada 30 peratus pada tahun 2006 dan United Kingdom dari 12 peratus pada tahun 1980 menjadi 44 peratus pada tahun 2006 dan AS daripada 18 peratus pada tahun 1980 kepada 44 peratus pada tahun 2007.

Norul Huda Sarnon et.all (2012), kebanyakan remaja adalah tidak bersedia secara emosinya untuk melakukan seks, dan penglibatan remaja dengan seks pada usia yang muda berpunca daripada masalah penyesuaian (Bingham & Crockett, 1996). Selain itu, tekanan rakan sebaya turut mempunyai pengaruh yang besar dalam kumpulan sosial (Barbara, 2006). Apabila ditekan oleh rakan atau pasangan untuk melakukan seks, remaja kurang kemahiran untuk menolak dan ada juga remaja yang ingin mencuba melakukan seks untuk diterima oleh kumpulan sosialnya. Remaja kurang berkemampuan untuk mengenali risiko seksual kerana kurang perkembangan kognitif dan sosial; hasilnya mereka tidak

menggunakan kaedah pencegahan kehamilan yang biasa dilakukan oleh orang dewasa (Mcbride et al, 2003).

Hasil kajian yang dijalankan oleh Khadijah Alavi et.all (2012) mendapati pemantauan dan penglibatan ibu bapa dalam memotivasi kan pelajar dalam pendidikan juga tidak diberi perhatian yang serius. Bahkan keluarga juga merupakan punca remaja terlibat dalam salah laku seksual sehingga hamil luar nikah (Rumberger, 1991).

Kestabilan keluarga sukar dikenalkan dalam tempoh masa yang panjang membina kesejahteraan keluarga dalam pengawalan anak-anak terutama remaja. Modernisasi dan kesibukan dalam menjana kewangan keluarga boleh menjelaskan hubungan sesama ahli keluarga sehingga boleh menimbulkan pelbagai masalah dalam keluarga sehingga keluarga itu tidak sejahtera. Ahli keluarga merupakan elemen yang penting dalam menjaga kestabilan keluarga tersebut. Ini kerana, faktor kesibukan dan kemodenan sedikit sebanyak menjelaskan hubungan sesama ahli dalam keluarga sehingga menjadikan keluarga itu tidak sejahtera. Ahli keluarga lebih mementingkan materialistik berbanding dengan hubungan kekeluargaan yang lebih penting dalam mencapai objektif kehidupan sesebuah keluarga (Selvaratnam, Nor Aini & Norlaila 2010).

Jadual 3: Tahap Kemurungan, Kesunyian dan Sokongan Sosial

	Skor		Bilangan	Peratusan (%)
Kemurungan	Rendah :	30 – 59	23	10.7
	Sederhana :	60 – 89	150	69.8
	Tinggi :	90 – 120	42	19.5
Kesunyian	Rendah :	20 – 39	39	18.1
	Sederhana :	40 – 59	126	58.6
	Tinggi :	60 – 80	50	23.3
Sokongan sosial	Rendah :	12 – 35	8	3.7
	Sederhana :	36 – 59	96	44.7
	Tinggi :	60 - 84	111	51.6

Jadual 3, menunjukkan kajian yang dijalankan oleh Rohany Nasir et.al (2016), mendapati bahawa secara keseluruhannya wanita hamil tanpa nikah mempunyai tahap kemurungan dan kesunyian yang sederhana dan tahap sokongan sosial yang tinggi sebagaimana yang terdapat dalam jadual 3. Seramai 150 orang responden menunjukkan tahap kemurungan yang sederhana, manakala 42 orang menunjukkan tahap yang tinggi dan selebihnya 23 orang menunjukkan tahap kemurungan yang rendah. Hal ini menunjukkan responden kajian ini cenderung untuk miliki emosi murung dalam diri. Bagi faktor kesunyian pula, seramai 126 orang responden memiliki tahap kesunyian yang sederhana, manakala 50 orang pada tahap tinggi dan selebihnya 30 orang menunjukkan tahap kesunyian yang rendah. Ini menunjukkan responden kajian cenderung untuk mengalami kesunyian. Selain itu, seramai 111 orang responden memiliki sokongan sosial yang tinggi, manakala 96 orang menunjukkan pada tahap

sokongan yang sederhana dan selebihnya 8 orang menunjukkan sokongan sosial pada tahap yang rendah. Hal ini menunjukkan bahawa responden kajian ini menerima sokongan sosial yang baik daripada individu sekeliling mereka.

BENTUK-BENTUK EMOSI REMAJA HAMIL LUAR NIKAH

Dalam Psikologi dakwah dari sudut emosi, emosi terbahagi kepada dua iaitu:

i. Emosi dalam pandangan Al-Quran

Banyak hikmah penciptaan emosi kepada manusia dialam ini. Dengan adanya emosi atau perasaan kepada manusia, manusia dapat merasakan dan menikmati perasaan dalam pelbagai keadaan. Contohnya emosi takut boleh mendorong manusia menjauhi segala perkara yang memberbahaya, emosi marah mendorong manusia untuk mempertahankan diri dan emosi cinta merupakan paduan kasih sayang antara manusia yang berlainan jantina.

ii. Emosi dalam perspektif Hadis

Didalam Al-Quran banyak menggambarkan pelbagai emosi yang timbul dalam diri manusia. Disamping itu juga, didalam hadis-hadis Nabi Muhammad SAW juga banyak menggambarkan pelbagai emosi manusia seperti takut, marah, benci, sedih, malu, dengki, cemburu, sompong dan angkuh. Emosi-emosi yang diperlihatkan dalam perspektif hadis antaranya adalah rasa cinta iaitu cinta kepada Allah SWT, cinta kepada Rasulullah, cinta kepada sesama manusia, cinta kepada semua ciptaan Allah SWT, cinta kepada harta. Seterusnya emosi dari pandangan hadis adalah rasa takut, rasa marah, rasa benci, rasa dengki dan iri hati, rasa cemburu dan rasa malu yang semuanya digambarkan oleh Rasulullah SAW melalui hadis-hadisnya.

EMOSI REMAJA HAMIL LUAR NIKAH

Menurut Mohd Razali Salleh (2010), emosi dalam konteks yang sangat luas merangkumi perasaan marah, takut, gembira, sedih, kasih sayang, rasa bersalah dan sebagainya. Emosi yang negatif adalah sangat berbahaya kerana ia boleh memburukan lagi stress yang dialami oleh seseorang itu sehingga tidak dapat mengawalnya. Menurut kajian dalam bidang sains, emosi terbentuk melalui satu proses yang kompleks iaitu melibatkan sistem limbik, saraf, endokrin, otot-otot dan sebagainya yang akan merefleksikan dan akan bertindak dengan serta merta. Contohnya seseorang akan beremosional dan bertindak dengan serta merta sebelum menyedari hakikat kebenarannya. Oleh itu, emosi akan dibentuk dan akan ditunjukkan lebih lagi lagi dalam zaman remaja seperti pepatah Melayu mengatakan sebagai “Zaman Berdarah Muda”.

Usia remaja merupakan permulaan dalam perkembangan individu untuk mencapai tempoh kematangan dalam hidup atau dalam Islam dipanggil sebagai “baligh”. Peringkat ini akan mengalami perubahan zaman dari zaman kanak-

kanak kealam dewasa serta berlaku perubahan dan pertumbuhan yang jelas kelihatan dari segi perubahan biologi, fizikal, mental dan emosi serta perubahan tanggungjawab dan peranan. Bagi mengimbangi perubahan-perubahan ini, golongan remaja sering berhadapan konflik. Maka disebabkan ini, berlakulah ketegangan dan tekanan emosi dalam diri remaja (Fariza Md Sham, 2009).

Menurut Fariza Md Sham (2009) dalam artikelnya yang bertajuk “Perkembangan emosi remaja dari perspektif Psikologi Dakwah”, beliau telah menyatakan bahawa emosi pada zaman remaja banyak bergantung kepada apa yang dipelajarinya daripada masyarakat sekeliling. Beliau juga telah memperincikan ciri-ciri emosi ketika zaman remaja iaitu romantik, mudah keliru dan emosi marah.

a. Romantik

Ketika usia remaja, mereka akan mempunyai perasaan atau emosi yang romantic yang akan mudah tertarik dengan remaja yang berlainan jantina iaitu dipanggil sebagai heteroseksual. Zaman ini juga merupakan puncak wujudnya perasaan cinta romantic. Menurut Dr. Rohaty Mohd Majzub (1998), perasaan yang roamtis membawa pengertian bahawa mereka menganggap dan menggambarkan individu yang dicintai itulah yang ideal, mempunyai watak, sahsiah atau ciri-ciri yang memikat remaja.

b. Mudah keliru

Dalam tempoh transisi, seseorang remaja akan bersifat kabur tentang peranan yang perlu dimainkannya. Disamping itu, perubahan yang pesat yang berhubung dengan kematangan seksual juga menyebabkan remaja tidak pasti tentang dirinya, keupayaan dan minatnya. Remaja mula mengalami keadaan emosi yang keras, lebih sensitif, malu kerana pertumbuhan fizikal yang dirasakan sebagai satu gejala atau sesuatu yang pelik, merasa berdosa kerana mempunyai dorongan rakan berlainan jantina, mimpi yang teruk, khayalan yang melampau serta angan-angan yang baru, jatuh cinta, patriotik dan agama, cara berfikir yang baru, dorongan-dorongan mengkritik serta syak wasangka yang tidak pernah dihadapinya sebelum ini. Maka, keadaan-keadaan ini yang menyebabkan remaja mudah mengalami kekeliruan (Fariza Md.Sham (2009).

c. Emosi marah

Emosi marah ini berbeza mengikut perkembangan umur seseorang remaja. Contohnya, peringkat awal kanak-kanak, marah selalunya timbul daripada konflik terhadap barang-barang permainan atau rutin harian mereka terganggu. Semasa remaja pula, punca kemarahan itu kebiasaanya berpunca daripada faktor sosial seperti apabila remaja merasa terperangkap dengan situasi yang memalukannya, merasa tidak berguna, ditentang atau dipulaukan. Selain itu juga, remaja mudah menunjukkan emosi memberontak dengan menunjukkan tindakan yang agresif seperti menderhaka kepada keluarga, lari dari rumah dan tidak mematuhi peraturan di sekolah. Namun begitu, tahap tingkahlaku emosi remaja hamil

tanpa nikah disebabkan oleh emosi marah tidak akan sama dengan remaja yang lain. Ianya bergantung kepada perkembangan penerimaan pihak keluarga dan masyarakat dan kestabilan emosi dalam diri remaja tersebut.

Menurut ahli-ahli Psikologi Barat, terdapat Model Kecerdasan Emosi Mayer, Caruso dan Salovey. Model ini mempunyai empat faktor iaitu kebolehan membuat persepsi berkaitan dengan emosi iaitu dapat membuat penyesuaian emosi atau asimilasi, memahami emosi dan mengawal emosi. Tahap kecerdasan emosi akan lebih tinggi apabila umur meningkat dan pengalaman bertambah. Weisenger (1998) dan Mayer, Salovey dan Caruso (dalam Bar-On & Parker 2000) menyatakan bahawa setiap faktor diatas mewakili keupayaan tertentu dan membentuk kecerdasan emosi apabila digabungkan. Faktor ini tersusun dalam bentuk hierarki iaitu faktor yang berada diatas adalah gabungan faktor-faktor dibawah. Mayer et.al. (2000) dan Weisenger (1998) membincarakan empat faktor tentang emosi iaitu emosi dari segi kebolehan membuat persepsi berkaitan emosi, pemikiran berdasarkan emosi, memahami emosi dan mengurus emosi (Syed Najmuddin Syed Hassan, 2013).

Dari sudut pandangan Ali-ahli Psikologi Islam pula, perkembangan emosi remaja dari sudut Psikologi Islam pula adalah bermula dengan emosi kanak-kanak mengikut proses pelaziman dan peniruan, maka ibu bapa adalah orang pertama yang menjadi contoh kepada anak-anak. Jika ibu bapa berkelakuan buruk, bertindak keras dan menganiaya anak-anak, emosi dan tingkahlakunya akan turut menyeleweng kerana sejak kecil jiwa mereka telah ditanam dengan bibit kerosakan (Abdullah Nasih Ulwan 1981 dalam Fariza Md.Sham, 2009).

Pelbagai perasaan dan emosi yang boleh terbentuk dalam situasi remaja yang telah hamil tanpa nikah ini. Menurut Adnan Syarif (2012), antara emosi-emosi yang muncul adalah seperti kesempitan jiwa, ketakutan, kegelisahan, berkeluh kesah, ketakutan yang berlebihan, keimbangan, kebingungan dan mungkin juga akan hilang akal akibat daripada ketakutan yang luar biasa.

a. Kesempitan jiwa

Firman Allah SWT :

“Kami sunguh-sungguh mengetahui, bahawa dadamu menjadi sempit disebabkan apa yang mereka ucapkan, maka bertasbihlah dengan menuji Tuhanmu dan jadilah kamu di antara orang-orang yang bersujud (solat) dan sembahlah Tuhanmu sampai dating kepadamu apa yang diyakini (ajal)”. (Surah Al-Hijr: 97-99)

b. Ketakutan

Firman Allah SWT :

“Mereka bakhil terhadapmu, apabila datang ketakutan (bahaya), kamu lihat mereka itu memandang kepadamu dengan mata yang

*terbalik-balik seperti orang yang pengsan kerana akan mati".
(Surah Al-Ahzab:19)*

- c. Kegelisahan (kurang sabar)
Firman Allah SWT :

"Apabila ia ditimpa kesusahan, ia berkeluh kesah". (Surah Al-Ma'arij:20)

- d. Berkeluh-kesah (kurang sabar dan tamak yang luar biasa untuk mendapatkan sesuatu)

Firman Allah SWT :

"Sesungguhnya manusia diciptakan berkeluh kesah lagi kikir. Apabila ia ditimpa kesusahan ia berkeluh kesah, dan apabila ia mendapat kebaikan ia amat kikir, kecuali orang-orang yang mengerjakan solat". (Surah Al-Ma'arij:19-21)

- e. Ketakutan yang berlebihan (lebih tinggi tingkatnya daripada kegelisahan)

Firman Allah SWT :

"(Ingatlah), ketika Tuhanmu mewahyukan kepada para malaikat; "Sesungguhnya, Aku bersama kamu, maka teguhkanlah (pendirian) orang-orang yang telah beriman". Kelak akan Aku jatuhkan rasa ketakutan ke dalam hati orang-orang kafir". (Surah Al-Anfal:12)

- f. Kebimbangan

Firman Allah SWT :

"Mereka tidak disusahkan dengan kedasyatan yang besar (pada hari Kiamat) dan mereka disambut oleh para malaikat. (Malaikat berkata); Inilah harimu yang telah dijanjikan kepadamu". (Surah Al-Anbiya':103)

- g. Kebingungan (gangguan ringan pada akal sebagai akibat ketakutan yang luar biasa)

Firman Allah SWT :

"Hai manusia, bertakwalah kepada Tuhanmu; sesungguhnya kegoncangan hari Kiamat itu adalah suatu kejadian yang sangat (dasyat). Ingatlah pada hari (ketika) kamu melihat kegoncangan itu, lalailah semua wanita yang menyusui anaknya dari anak yang disusukannya dan gugurlah kandungan segala wanita yang hamil". (Surah Al-Hajj:1-2)

- h. Setengah gila (hilang akal akibat ketakutan yang luar biasa)
Firman Allah SWT :

“Kamu lihat manusia dalam keadaan mabuk, padahal sebenarnya mereka tidak mabuk, akan tetapi kerana azab Allah itu sangat kerasnya”. (Surah Al-Hajj: 2)

Berdasarkan daripada perbincangan yang dinyatakan diatas, dapat disimpulkan bahawa emosi remaja dapat ditunjukkan dan dipamerkan dalam pelbagai bentuk. Adakah emosi mereka begitu romantik, sensitif, mudah keliru, marah memberontak, ketakutan, kesempitan jiwa, kebimbangan, kebingungan dan ada juga yang setengah gila atau hilang akal akibat ketakutan yang luar biasa. Semuanya bergantung kepada kestabilan emosi dan sokongan daripada pelbagai pihak untuk membangkitkan mereka menjadi seorang yang berfikiran waras semula (Siti Aishah Yahya & Fariza Md.Sham, 2017).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, remaja yang telah mengalami kehamilan luar nikah ini perlu dikembalikan kepada fitrah iaitu kembali kepada Allah SWT. Semua pihak perlu berganding bahu dalam membanteras permasalahan ini dengan mengetahui serta memahami bentuk-bentuk emosi remaja hamil luar nikah bagi memudahkan dan melancarkan proses pemulihan dari segi rohani dan jasmani. Ini kerana remaja yang terlibat ini perlu kembalikan jiwa-jinya mereka dengan pendekatan Islam yang berteraskan Al-quran dan As-Sunnah supaya remaja ini tidak terus kembali ke dunia penuh kemaksiatan semula.

BIBLIOGRAFI

- Al-Quranul Karim.
- Fariza Md Sham (2009). Perkembangan Emosi Remaja dari Perspektif Psikologi Dakwah. Institut Islam Hadhari. iBook Publication Sdn. Bhd. Kuala Lumpur
- Fariza Md.Sham (2014). Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Menangani Remaja Berisiko Fokus Pendekatan Jiwa: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.Selangor
- Fariza Md.Sham (2015). Kemahiran psikologi Dakwah kepada Golongan Remaja. *Al-Hikmah*. 7(1). 95-101. Universiti Kebangsaan Malaysia.Selangor.
- Harnida Paturungi (2008). Ibu tanpa Nikah: Kajian di Jabatan Kerja Sosial Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia. *Tesis Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Manusia dengan Kepujian*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor.

- Khadijah Alvi, Salina Nen, Faudziah Ibrahim, Noremy Md.Akhir, Mohamad Suhaimi Mohamad & Noorhasliza Mohd Nordin (2012). Hamil Luar Nikah dalam Kalangan Remaja. *Jurnal Sains Sosial dan Kemasyarakatan*. 7(1), 131-140. Universiti Kebangsaan Malaysia.Selangor.
- McBride, C. K., Paikoff, R. L. & Holmbeck, G. N. (2003) Individual and family influences on the onset of sexual intercourse among urban African American adolescents. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 71, 159–167.
- Mohd Razali Salleh (2010). Pengendalian Stres dan Kebimbangan, Penilaian Kognitif dan Tingkahlaku. Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Muhammad Uthman Najati (2004). Psikologi dalam Perspektif Hadis.Terj. Zaenuddin Abu Bakar. Pustaka Al-Husna, Jakarta, Indonesia.
- Norul Huda Sarnon @ Kusenin et.al (2012). Hamil luar Nikah, Memahami Remaja Sebagai Asas Intervensi Keluarga. *Jurnal Sains Sosial dan Kemasyarakatan*.7 (1) 121-130. Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor.
- Rumberger, R. (1991). Chicano dropouts: A review of research and policy issues. In R. Valencia (Ed.) *Chicano School Failure and Success*. New York: Falmer Press.
- Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Mohd. Norahim Moh. Sani & Aizan Sofia Amin (2016) Hubungan Antara Kesunyian Dan Sokongan Sosial Terhadap Kemurungan Dalam Kalangan Wanita Hamil Tanpa Nikah. *Jurnal Psikologi Malaysia*.30(1) 152-159.
- Selvaratnam, D., Nor Aini & Norlail (2010). Warga Emas di Malaysia: Ke Arah Kesejahteraan Ekonomi Dan Sosial. Bangi: Penerbit UKM. Universiti Kebangsaan Malaysia.Selangor.
- Santrock, J.W. (2008). Life-Span Development. 11th edition. Mc Graw-Hill; New York.
- Siti Aishah Yahya & Fariza Md.Sham (2017). Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Menangani Emosi Remaja Hamil Tanpa Nikah (RHTN). *Prosiding Seminar Kaunseling & Psikoterapi Islam*. Medan, Indonesia.
- Statistik Kehamilan Luar Nikah. www.jim.org.my.Dilayari pada 10 Ogos 2009.